

SYARAT PENGGUNAAN LOGO

Industri makanan berdasarkan haiwan dan hasilan haiwan berskala kecil dan sederhana (EKS) yang dianugerahkan sijil GVHP dibenarkan menggunakan logo tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. *Logo boleh dicetak pada label / pembungkus keluaran yang diluluskan sahaja (keluaran yang didaftarkan semasa permohonan). Contoh pembungkus mengikut saiz sebenar yang bercetak samada dalam bentuk gambar foto atau dalam saiz sebenar hendaklah dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sebagai bukti penggunaan.*
2. *Penggunaan logo GVHP hanya dibenarkan ke atas produk dan premis yang diluluskan oleh DVS, Malaysia selain daripada tujuan pengiklanan.*
3. *Pengurusan EKS yang diluluskan bersetuju membenarkan pegawai DVS menjalankan audit pemantauan (surveillance audit) dan audit pemeriksaan semula (review audit) serta mengambil sampel untuk ujian makmal.*
4. *Segala perubahan dalam pengurusan, loji dan operasi pemprosesan hendaklah dimaklumkan kepada DVS dalam masa 30 hari selepas perubahan dibuat.*